

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KAMPUS TETAP UNIVERSITI SAINS ISLAM**  
**MALAYSIA (U.S.I.M.)**  
**BANDAR BARU NILAI, NEGERI SEMBILAN**  
**25 NOVEMBER 2008**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMMAD HAJI HASSAN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI

YB AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI DAN TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI

YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGERI SEMBILAN

YBHG TAN SRI DR. MOHAMAD YUSOF NOOR  
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

YBHG PROFESOR DATO' DR. ABDUL SHUKOR HAJI HUSIN  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

DIF-DIF KEHORMAT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIANYA, KITA DAPAT HADIR BERSAMA DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI.

2. SAYA AMAT BERBESAR HATI KERANA PADA HARI INI, KITA MERAIKAN DUA PERISTIWA PENTING LAGI BERSEJARAH YANG AKAN MENYUMBANG SECARA POSITIF KEPADA PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI DI NEGARA INI. PERTAMA, PENINGKATAN STATUS KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (K.U.I.M.) MENJADI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA. KEDUA, PERASMIAN KAMPUS TETAP UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA.

3. SAYA PERCAYA PENINGKATAN STATUS K.U.I.M. KEPADA UNIVERSITI SERTA PENUBUHAN KAMPUS TETAP INI AKAN MEMBERI SUMBANGAN YANG BEGITU BESAR, BUKAN SAHAJA KEPADA WARGA UNIVERSITI INI, BAHKAN KEPADA PEMBANGUNAN PENGAJIAN TINGGI NEGARA JUGA. DENGAN KEWUJUDAN KAMPUS TETAP U.S.I.M. INI, AKAN BERTAMBAHLAH LAGI PELUANG-PELUANG BERMUTU UNTUK ANAK BANGSA MELANJUTKAN PELAJARAN MEREKA, DAN SETERUSNYA MEMAJUKAN DIRI, MASYARAKAT, BANGSA DAN NEGARA.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

4. PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI ADALAH ANTARA FAKTOR TERPENTING DALAM MEMASTIKAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG MAPAN. SISTEM PENDIDIKAN NEGARA YANG BERKUALITI, KHUSUSNYA PADA TAHAP PENGAJIAN TINGGI, MERUPAKAN SALURAN UTAMA UNTUK MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG DIKEHENDAKI. ATAS KESEDARAN TERSEBUT, KERAJAAN TELAH MENCETUSKAN SATU PERGERAKAN UNTUK MENTRANSFORMASIKAN SISTEM PENDIDIKAN NEGARA, TERMASUK DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI.

5. SALAH SATU ASPEK TRANSFORMASI PENGAJIAN TINGGI TERSEBUT ADALAH PENAMBAHBAIKAN DAN PENGEMASKINIAN KURIKULUM. SESUNGGUHNYA, PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN DI I.P.T.-I.P.T. NEGARA PERLU MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN SEMASA MASYARAKAT DAN NEGARA, KHUSUSNYA DALAM KONTEKS GLOBAL.

6. DALAM PADA ITU, SELAIN DARIPADA ASAS-ASAS TEORI DAN PRAKTIKAL, SETIAP PROGRAM PERLU MENGANDUNGI KOMPONEN-KOMPONEN TERTENTU YANG BERFUNGSI MEMUPUK NILAI-NILAI MURNI, MEMBINA KEMAHIRAN SERTA MEPERKASA KEYAKINAN DIRI AGAR PELAJAR DAPAT MENYESUAIKAN DIRI DALAM MASYARAKAT DAN ALAM KERJAYA MASA KINI. KOMPONEN-KOMPONEN YANG SAYA MAKSUDKAN TERMASUKLAH KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, KEUSAHAWANAN, PEMIKIRAN KREATIF DAN KRITIS, ASAS-ASAS PENGURUSAN DAN SEBAGAINYA.

7. DI SAMPING ITU, KERAJAAN SEDANG MENGGALAKKAN I.P.T.A. TEMPATAN SUPAYA MEMPERKENALKAN PROGRAM-PROGRAM BERBENTUK DOUBLE-MAJOR ATAU MAJOR-MINOR BAGI MEMBERI NILAI TAMBAH KEPADA PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN YANG DITAWARKAN, KHUSUSNYA YANG BERSIFAT KURANG KOMPETITIF. DALAM KONTEKS INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA U.S.I.M. KERANA TELAH MENDAHULUI SESETENGAH UNIVERSITI LAIN DALAM MEREALISASIKAN RANCANGAN TRASFORMASI INI MELALUI USAHA PENINGKATAN PROGRAM-PROGRAM PENGAJIANNYA.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

8. HASRAT UNTUK MENUBUHKAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA ADALAH SELARAS DENGAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MEMASTIKAN TIADA GOLONGAN YANG AKAN DIPINGGIRKAN DARI ARUS PEMBANGUNAN PERDANA NEGARA. SEMENJAK PENUBUHANNYA, U.S.I.M. TELAH BERJAYA MENAWARKAN LEBIH 4,000 TEMPAT UNTUK PARA PELAJAR MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT TINGGI. LEBIH PENTING LAGI, KESEMUA DARIPADA PELAJAR U.S.I.M. ADALAH DARI KALANGAN PARA PELAJAR SEKOLAH ALIRAN AGAMA.

9. SEBELUM ADANYA U.S.I.M., SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA PELAJAR SEKOLAH ALIRAN AGAMA TERPAKSA MENYAMBUNG PENGAJIAN TINGGI MEREKA DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM DI NEGARA-NEGARA ASIA BARAT, UMPAMANYA DI MESIR, ARAB SAUDI, JORDAN DAN SYRIA. SISTEM YANG DIPERKENALKAN DI U.S.I.M. KINI MEMBOLEHKAN PELAJAR-PELAJAR TERSEBUT MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM DI SAMPING BIDANG-BIDANG PROFESIONAL YANG MEREKA MINATI.

10. MELALUI SISTEM YANG DIPERKENALKAN DI U.S.I.M., MEREKA BERPELUANG MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN TINGGI DALAM BIDANG SAINS, EKONOMI, PENGURUSAN, KAUNSELING, KOMUNIKASI, UNDANG-UNDANG, BAHKAN JUGA DALAM BIDANG PERUBATAN DAN PERGIGIAN, TANPA MENGABAIKAN ASPEK ILMU-ILMU AGAMA. PROGRAM PENGAJIAN YANG MEREKA IKUTI MERANGKUMI JUGA ASPEK HAFAZAN AL-QURAN, AKIDAH ISLAM, FIKAH, SIRAH RASUL, SEJARAH ISLAM, BAHASA ARAB DAN SEBAGAINYA.

11. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA U.S.I.M. DAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI ATAS KEJAYAAN MELAKSANAKAN SISTEM PEMBELAJARAN YANG UNIK INI. SAYA HARAP MODEL U.S.I.M. AKAN MENJADI MODEL PENGAJIAN ISLAM DI SEMUA I.P.T. DI DALAM NEGARA, MALAH DI SELURUH DUNIA ISLAM.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

12. SAYA AMAT TERTARIK DENGAN HASRAT DAN PERANCANGAN U.S.I.M. UNTUK MENJADI INSTITUSI PENDIDIKAN ALTERNATIF KEPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI TERKENAL TIMUR TENGAH, KHUSUSNYA DALAM BIDANG PENGAJIAN ISLAM. LANGKAH INI ADALAH AMAT MENEPATI DASAR PENDIDIKAN TINGGI NEGARA BAGI MENGHASILKAN MODAL INSAN BERKUALITI DI DALAM NEGARA DISAMPING BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PELAJAR ASING UNTUK BELAJAR DI MALAYSIA. SAYA DIFAHAMKAN USAHA BERTERUSAN SEDANG DILAKUKAN UNTUK MENAMBAH BAIK KUALITI KURIKULUM DAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA KELAYAKAN DAN LATIHAN TENAGA PENGAJAR BAGI MEREALISASIKAN HASRAT NEGARA UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI CONTOH DAN RUJUKAN, SERTA DESTINASI PELAJAR DARI NEGARA-NEGARA LAIN.

13. SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMAJUAN FIZIKAL MALAYSIA TELAH DIIKTIRAF DAN MENDAPAT PERHATIAN DUNIA. DI SAMPING ITU, SUMBANGAN MALAYSIA KEPADA PEMBANGUNAN UMMAH DAN PEMIKIRAN ISLAM JUGA DIIKTIRAF. ASPEK-ASPEK INI TELAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN NEGARA UNTUK MENARIK PERHATIAN PARA PELAJAR ANTARABANGSA DARI PELBAGAI NEGARA TERMASUK DARI TIMUR TENGAH, UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA DI MALAYSIA DALAM PELBAGAI BIDANG PENGAJIAN.

14. DENGAN MENJADIKAN BAHASA ARAB DAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI MEDIUM PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN, SAYA YAKIN U.S.I.M. MAMPU MENYEDIAKAN PELUANG YANG LUAS KEPADA MEREKA UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN DALAM BIDANG PILIHAN MASING-MASING TANPA MENGHADAPI BANYAK HALANGAN DARI SUDUT BAHASA DAN KOMUNIKASI.

15. KEMUDAHAN PRASARANA YANG SERBA LENGKAP DAN MODEN SERTA KEDUDUKAN U.S.I.M. YANG STRATEGIK DI NEGARA YANG STABIL LAGI PROGRESIF JUGA MAMPU MENAMBAH DAYA TARIKAN U.S.I.M. SEBAGAI PUSAT PEMBELAJARAN YANG UNGGUL. SAYA PERCAYA U.S.I.M. MAMPU MEMBERI SUMBANGAN YANG BESAR KE ARAH MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH HUB PENDIDIKAN TINGGI.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

16. UNIVERSITI INI, DARI SEGI VISI DAN OBJEKTIFNYA, MERUPAKAN INSTITUSI YANG AMAT SESUAI UNTUK MENEROKAI PELBAGAI BIDANG ILMU PENGETAHUAN, SEJAJAR DENGAN TRADISI KEILMUAN ISLAM SERTA KEAGUNGAN PENEROKAAN ILMU DALAM SEJARAH TAMADUN ISLAM. SAYA BERHARAP PADA MASA AKAN DATANG U.S.I.M. AKAN DAPAT MELAHIRKAN TOKOH-TOKOH ILMUAN SEPERTI ULAMAK, AHLI SAINS, PAKAR PERUBATAN, PENCIPTA SERTA TOKOH DAN CERDIK PANDAI DALAM PELBAGAI BIDANG BERTERASKAN PENGAJIAN ISLAM YANG DIGABUNG DENGAN PELBAGAI DISIPLIN ILMU YANG DITAWARKAN DI U.S.I.M..

17. SAYA PERCAYA U.S.I.M. MEMPUNYAI FALSAFAH, POTENSI DAN INFRASTRUKTUR YANG SESUAI BAGI MENCAPAI HASRAT TERSEBUT DAN UNTUK TERUS BERGERAK BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN. SAYA BERHARAP KEUNIKAN YANG DIMILIKI OLEH U.S.I.M. AKAN TERUS DIPERTAHANKAN DAN AKAN MENJADI JENAMA YANG DIMINATI YANG MEMPUNYAI KELEBIHAN DAN KEISTIMEWAAN TERSENDIRI.

SAUDARA-SAUDARI SEKELIAN,

18. SAYA BERHARAP DENGAN SIAPNYA KAMPUS TETAP U.S.I.M. DI BANDAR BARU NILAI INI, SELURUH WARGA U.S.I.M., SAMA ADA PELAJAR, TENAGA PENGAJAR DAN PIHAK PENGURUSAN, AKAN LEBIH BERSEMANGAT DALAM MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING. SEMOGA NEGARA KITA AKAN LEBIH KAYA DENGAN MODAL INSAN YANG MAMPU MEREALISASIKAN HASRAT DAN CITA-CITA NEGARA AGAR TERUS CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG DI MATA DUNIA.

19. AKHIR SEKALI, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENYUMBANG KE ARAH PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP DAN UNIVERSITI YANG TERSERGAM INDAH INI — TERUTAMANYA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI, KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN TERTINGGI U.S.I.M..

20. MARILAH SAMA-SAMA KITA BERDOA SUPAYA U.S.I.M. AKAN TERUS MAJU DALAM MENGEMBALIKAN TRADISI ILMU DI ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM; SUPAYA U.S.I.M. AKAN BERJAYA MENJELMAKAN SEMULA TOKOH-TOKOH ISLAM TERKEMUKA SEPERTI IBNU SINA, AL-GHAZALI, AL-RAZI, AL-KHWARIZMI DAN LAIN-LAIN; JUGA SUPAYA SEMUA AKAN MENDOKONG MATLAMAT SERTA HASRAT MURNI KERAJAAN DI SEBALIK PENUBUHAN UNIVERSITI INI.

21. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN KAMPUS TETAP UNIVERSITI SAINS ISLAM DI BANDAR BARU NILAI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

SEKIAN, TERIMA KASIH.